# Kertas Bil. 6/2025

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS PADA 15 NOVEMBER 2024, 18 NOVEMBER 2024 – 22 NOVEMBER 2024 DAN 25 NOVEMBER 2024 – 27 NOVEMBER 2024**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

**KERTAS BILANGAN 27/2024**

---

**LAMPIRAN II**

**MAKLUM BALAS AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PENYATA-PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ATAU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS YANG TELAH DILULUSKAN OLEH DEWAN NEGERI SELANGOR PADA MESYUARAT KETIGA (BAJET) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS YANG TELAH BERLANGSUNG PADA 15 NOVEMBER 2024, 18 – 22 NOVEMBER 2024 DAN 25 – 28 NOVEMBER 2024**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 27/2024 | **Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Hala Tuju Syarikat Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)** | 5.1 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri menetapkan satu rancangan hala tuju supaya SSDU dapat menjadi sebuah syarikat yang mampu untuk merealisasikan program Smart Selangor untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berdaya huni. Pengurusan SSDU perlu dilibatkan secara langsung dengan Kerajaan Negeri untuk merangka rancangan ini. | ✓ | | KNS perlu menetapkan halatuju baharu untuk kesinambungan program negeri pintar dan berdayahuni bagi memastikan kelestarian dan pengoperasian yang lebih menyeluruh dan berkesan.<br><br>Penglibatan SSDU dalam merangka kesinambungan program Smart |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

LAMPIRAN II

**MAKLUM BALAS AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BERHUBUNG PENYATA-PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN ATAU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS YANG TELAH DILULUSKAN OLEH DEWAN NEGERI SELANGOR PADA MESYUARAT KETIGA (BAJET) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR KELIMA BELAS YANG TELAH BERLANGSUNG PADA 15 NOVEMBER 2024, 18 – 22 NOVEMBER 2024 DAN 25 – 28 NOVEMBER 2024**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/ TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | Selangor ini wajar diteruskan kerana pengalaman dan kepakaran mereka sewaktu merancang dan melaksana Pelan Tindakan Smart Selangor 2025 boleh menyumbang kepada kelestarian, kepesatan dan keberkesanan program yang bakal dilaksana. |

Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.2 Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri merangka rancangan tindakan jangka masa pendek, sederhana, dan panjang yang dapat menyokong empat teras strategik SSDU. | | ✓ | Berdasarkan hala tuju dan pelan perniagaan SSDU untuk tahun 2025 yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah (ALP) SSDU pada mesyuarat ALP SSDU bertarikh19 Disember 2024, tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang dibentangkan di dalam mesyuarat JP ABAS sudah tidak relevan lagi kerana |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | SSDU telah mencadangkan pelan perniagaan yang baharu untuk tahun 2025. Sehubungan itu, saranan ini tidak lagi sesuai untuk dipertimbangkan. |
| | | 5.3 Jawatankuasa menyarankan sebagai sebahagian daripada rancangan hala tuju SSDU untuk tahun 2026 – 2030 untuk SSDU melaksanakan pendigitalisasi penuh semua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi, dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor supaya semua perkhidmatan kaunter yang berada | ✓ | | Berdasarkan statistik pada 1 Januari 2025, perkhidmatan E2E KNS telah pun mencapai 55%. Usaha untuk mendigitalkan perkhidmatan di bawah bidang |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dapat diakses secara atas talian. | | | kuasa KNS boleh dipacu oleh SSDU dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan utama seperti UPEN dan BPM bagi memastikan perkhidmatan kaunter utama dapat diakses secara atas talian. Usaha pendigitalan ini boleh dipertimbangkan sebagai inisiatif utama di dalam Pelan Tindakan Smart Selangor |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | 2026-2030 yang bakal diterajui oleh SSDU. |
| | | 5.4 Jawatankuasa menyarankan supaya semua perkhidmatan pengangkutan dalam inisiatif DRT Mobiliti Selangor (yang kini memerlukan aplikasi berasingan dari penyedia perkhidmatan) disatukan dalam satu aplikasi yang dibangunkan oleh SSDU. | | ✓ | Usaha untuk menyepadukan kesemua perkhidmatan pengangkutan awam DRT Mobiliti Selangor ke dalam satu aplikasi setempat merupakan satu usaha yang bagus dan pada ketika ini Unit Mobiliti di bawah MBI telah diberi tanggungjawab |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | untuk memacu usaha ini. Di pihak SSDU pula tiada halangan untuk bekerjasama dengan pihak MBI bagi penyelarasan ini terutamanya untuk inisiatif-inisiatif yang dikendalikan oleh SSDU seperti SITS dan STR. |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 5.5 Jawatankuasa menyarankan supaya SSDU diberi tanggungjawab untuk memimpin usaha pembangunan aplikasi super (*super app*) untuk semua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Negeri. | | ✓ | Pada ketika ini, MBI telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk memimpin usaha pembangunan aplikasi super (*Super App*) bagi kesemua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Negeri. SSDU akan terus menyokong usaha ini dan bersedia bekerjasama sekiranya pembangunan |



Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | aplikasi *Super App* ini memerlukan pengintegrasian dengan aplikasi CEPat di bawah kendalian SSDU. |

Format/templat ini boleh dimuat turun melalui https://ls.selangor.my/hGZiT9

Y.B. TUAN DR. MOHAMMAD FAHMI BIN NGAH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN